



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKELILING MAJIKAN BIL. 1 TAHUN 2022
SISTEM INSURANS PEKERJAAN
PROGRAM SIP ELAUN MENCARI PEKERJAAN + (SIP EMP+)
KEPADА PENCARUM DI BAWAH BAJET 2022**

1. TUJUAN

Pekeling Majikan ini adalah untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan Program Sistem Insurans Pekerjaan Elaun Mencari Pekerjaan+ (SIP EMP+) di bawah Bajet 2022 kepada pekerja yang telah berdaftar atau mencarum di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) dan mengalami kehilangan pekerjaan (LOE).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Program Sistem Insurans Pekerjaan Elaun Mencari Pekerjaan+ (SIP EMP+) telah diumumkan di bawah Bajet 2022 oleh Kementerian Kewangan merupakan penambahbaikan program SIP PRIHATIN 1.0 dan 2.0 yang telah berakhir pada 31 Disember 2021 bagi membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan yang terkesan akibat Pandemik COVID-19 sebagai bantuan segera bagi meneruskan kelangsungan hidup di samping berusaha mencari peluang pekerjaan baharu.
- 2.2 Kehilangan pekerjaan (LOE) yang dimaksudkan adalah sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Seksyen 30 Akta 800. Pekerja juga dikehendaki memenuhi bilangan caruman mengikut syarat kelayakan caruman (CQC) dan menyertai Program Penempatan Pekerjaan Semula (REPP) bagi melayakkan mereka mendapat faedah.

- 2.3 SIP EMP+ kepada pencarum adalah bertujuan untuk membantu pekerja yang mengalami LOE termasuk LOE disebabkan habisnya tempoh kontrak perkhidmatan sekurang-kurangnya 24 bulan tempoh perkhidmatan serta pernah diperbaharui sekurang-kurangnya sekali dan pekerja yang tidak memenuhi syarat kelayakan caruman minima.

3. LIPUTAN PROGRAM SIP EMP+

- 3.1 Tempoh permohonan SIP EMP+ adalah mulai 1 Januari 2022 sehingga 31 Julai 2022. Program ini meliputi pekerja yang kehilangan pekerjaan (LOE) mulai 1 Januari 2021 sehingga 30 Jun 2022.
- 3.2 Pekerja boleh membuat permohonan untuk setiap tuntutan EMP apabila memenuhi syarat Program Penempatan Pekerjaan Semula (REPP) dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh kelulusan EMP sebelumnya.
- 3.3 Di bawah program ini, Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) diberi selama 6 bulan di mana kadar layak menuntut yang asal adalah 80%, 50%, 40%, 40%, 30%, 30% telah ditambah kepada 80%, 50%, 50%, 50%, 50%, 50%.
- 3.4 Di bawah program ini tempoh penerimaan EMP di bawah SIP EMP+ telah dilanjutkan dengan tambahan 3 bulan EMP pada kadar tambahan 30%. Keadaan ini hanya terpakai kepada pekerja bagi yang kehilangan pekerjaan bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 dan telah menerima EMP sepenuhnya serta masih menganggur semasa tuntutan dikemukakan.
- 3.5 Penentuan LOE dan jenis pembayaran faedah di bawah SIP EMP+ akan ditentukan oleh PERKESO. Bagi LOE disebabkan habisnya tempoh kontrak perkhidmatan sekurang-kurangnya 24 bulan tempoh perkhidmatan serta pernah diperbaharui sekurang-kurangnya sekali dan pekerja yang tidak memenuhi syarat kelayakan caruman minima adalah layak menerima bantuan kewangan SIP EMP+ **sebanyak 30% sehingga 3 bulan**.

- 3.6 Pekerja hendaklah menyertai Program Penempatan Pekerjaan Semula (REPP) bagi melayakkan mendapat bayaran EMP di bawah SIP EMP+.
- 3.7 Persoalan berkaitan permohonan bantuan kewangan SIP EMP+ boleh dikemukakan kepada PERKESO melalui pautan eaduansip.perkeso.gov.my.

4. TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan pertama boleh dilakukan di Portal Faedah SIP menerusi pautan eis.perkeso.gov.my.
- 4.2 Maklumat dan dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:
 - i. Dokumen Utama (Permohonan pertama sahaja).
 - a. Salinan Kad Pengenalan
 - b. Surat Tawaran Kontrak Perkhidmatan
 - c. Salinan Surat Pemberhentian Kerja (Termasuk VSS, MSS Atau Seumpamanya)
 - d. Salinan Penyata Gaji (6 Bulan Kebelakang Sebelum Bulan Kehilangan Pekerjaan)
 - e. Salinan Penyata Gaji Bulan Kehilangan Pekerjaan (Jika Ada)
 - f. Salinan Penyata Nombor Akaun Bank Pemohon.

* Bagi pekerja yang tidak mempunyai dokumen-dokumen seperti di perenggan 4.2(i)(b), (c), (d) dan (f), pekerja boleh membuat pengisyhtiharan diri (*self-declaration*) di Portal Faedah SIP semasa membuat permohonan.

- ii. Dokumen sokongan
 - a. Salinan laporan polis (contoh gangguan seksual, ugutan dsb.)
 - b. Salinan bukti suatu perintah oleh majikan untuk melaksanakan kerja di luar skop kerja yang membahayakan kesihatan dan keselamatan
 - c. Lain-lain dokumen bukti berkaitan dengan kes

- 4.3 Manakala bagi permohonan kedua dan seterusnya (bagi mereka yang layak), pekerja hendaklah membuat log masuk ke Portal Faedah SIP dengan menggunakan ID pendaftaran (diberi semasa permohonan pertama) dibuat secara bulanan melalui pautan yang sama di bawah tajuk 'Borang-Borang'. Sila pilih Borang EMP.
- 4.4 Setiap permohonan tuntutan EMP kedua dan seterusnya hendaklah mengemukakan bukti pencarian pekerjaan di dalam Portal MYFutureJobs dan perlu memuat naik ke dalam Portal Faedah SIP bagi setiap tuntutan.
- 4.5 Sekiranya telah kembali bekerja dan melapor diri semasa menerima faedah EMP, pekerja itu hendaklah mengisi Borang Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) untuk mendapat EBSA di dalam Portal Faedah SIP.
- 4.6 Bayaran EBSA di bawah SIP EMP+ tidak mengambil kira tempoh lanjutan tambahan tiga bulan EMP pada kadar tambahan 30% (3 bulan).

5. PEMAKAIAN

Permohonan EMP yang pertama di bawah SIP EMP+ boleh dilakukan secara atas talian di Portal Faedah SIP (eis.perkeso.gov.my) mulai **1 Januari 2022** dan berakhir pada **31 Julai 2022**.

6. PERTANYAAN

- 6.1 Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan PERKESO di talian **1-300-22-8000** atau layari laman sesawang eiscentre.perkeso.gov.my.
- 6.2 Sebarang pertanyaan berkaitan tuntutan bantuan SIP EMP+ boleh dibuat kepada PERKESO melalui pautan eaduansip.perkeso.gov.my.
- 6.3 Rayuan berkaitan bantuan SIP EMP+ tidak boleh dibuat kepada **Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS)** kerana program ini bukan suatu faedah di bawah Akta 800.

7. TARIKH KUAT KUASA


Pekeliling Majikan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022 sehingga tamat Program SIP EMP+ dan sebarang perubahan bagi maksud pekeliling ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pembudayaan Norma Baharu Dalam Dunia Pekerjaan Sejagat"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 13 Januari 2022